

1. **Jelaskan latarbelakang mengenai kata sepakat dalam pembahagian kerusi-kerusi, kawasan-kawasan dan pembahagian calon-
TALKING POINT BAGI YAB PERDANA MENTERI
DI PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN
DAN PEKERJA-PEKERJA PILIHANRAYA UMNO
BAHAGIAN DAMANSARA, KUALA LUMPUR, DI
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, PADA 30HB
JUN, 1978 - JAM 8.30 MALAM.**

2. **Tegaskan bahawa UMNO sebagai teras**

Barisan Nasional hendaklah mengimarah dan mematuhi keputusan ini. Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO di Bahagian hendaklah

1. Jelaskan latarbelakang mengenai kata sepakat dalam pembahagian kerusi-kerusi, kawasan-kawasan dan pembahagian calon-calon di kalangan pucuk pimpinan parti anggota Barisan Nasional. Keputusan yang sebaik-baiknya telah dicapai demi kepentingan memelihara perpaduan dalam Barisan Nasional.
2. Tegaskan bahawa UMNO sebagai teras Barisan Nasional hendaklah menghormati dan mematuhi keputusan ini. Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO di Bahagian hendaklah supaya mereka memberikan sokongan kepada calon Barisan Nasional.

4
memberi sokongan penuh kepada calon
Barisan Nasional yang bertanding. Kita
mestilah meyakini ahli-ahli UMNO khususnya
dan orang-orang Melayu amnya terhadap
persefahaman ini.

3. Tekankan bahawa sebaik-baik jalan bagi
mengukuhkan perpaduan dalam Barisan
Nasional terutama dalam menghadapi
Pilihanraya supaya semua pihak menenggelam
atau mengenenepikan segala perbezaan pendapat
kita. UMNO hendaklah menyokong serta
meyakinkan kepada pengundi-pengundi Melayu
supaya mereka memberikan sokongan kepada
calon Barisan Nasional.

4. Kemenangan calon Barisan Nasional dalam kawasan Damansara bergantung sepenuhnya kepada pengundi-pengundi Melayu. Kegagalan calon Barisan Nasional akan membuktikan bahawa rakyat hilang kepercayaan dengan UMNO. Dengan ini maruah dan penghormatan anggota lain dalam Barisan Nasional terhadap UMNO akan turut terjejas dan kepercayaan mereka kepada UMNO akan merosot. Inilah yang hendak kita elakkan.

5. Tindakan PAS ialah mempengaruhi pengundi-pengundi Melayu supaya mengundi calon DAP. Tujuan PAS ialah hendak membelah-bahagikan bilangan ~~pengundi~~ pengundi Melayu supaya tidak semuanya akan mengundi calon Barisan Nasional. Jika keadaan ini berlaku dan calon Barisan Nasional di Kawasan Damansara gagal, maka UMNOlah yang disalahkan kerana kita tidak dapat mempengaruhi sokongan orang-orang Melayu. Kedudukan dan keadaan seperti ini akan mencemar nama baik UMNO.

6. Bagi memastikan sokongan bulat dari orang Melayu khasnya pengundi-pengundi Melayu, pemimpin-pemimpin dan pekerja UMNO hendaklah melipatgandakan usaha. Kempen dari rumah ke rumah hendaklah dipergiatkan dan bilangan ceramah digandakan dalam kawasan-kawasan kediaman orang Melayu.
7. Pakatan dan persefahaman kerjasama di-antara PAS dengan DAP hendaklah didedah dan diexploitasikan seluas-luasnya. Berikan gambaran kepada orang-orang Melayu bahawa pakatan seperti ini merupakan satu

cabaran kepada kedudukan orang-orang Melayu seluruhnya. Terangkan kepada pengundi-pengundi Melayu terhadap hasrat dan matalamat DAP.

8. Nyatakan kepada rakyat Melayu bahawa DAP hendak menghancurkan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum. Ingatkan kepada mereka ini, terhadap pahit-maung dan penderitaan jika kekacauan tercetus akibat dari sentimen yang tidak terkawal. Kita hendak mengelakkan keadaan seperti ini berlaku kerana kita tidak ingin dengan pengorbanan jiwa, kehilangan suami-isteri dan anak-pinak, kemusnahan

harta-benda, ketidak stabilan keadaan politik dan keselamatan menimbulkan kebimbangan di kalangan pelabur-pelabur dan akibatnya pelabur-pelabur luar akan menarik diri keluar dari melabur di negara kita. Ekonomi terjejas dan bermacam-macam lagi akibatnya.

9. Kita mestilah menghapuskan dakyah PAS yang menggunakan ugama untuk mendapat sokongan orang Melayu. Dedahkan tindakan pelampau PAS hendak mengubahkan pentadbiran negara kepada sebuah Kerajaan yang berlandaskan sepenuhnya kepada undang-undang Islam dan adat-resam orang Melayu. Konsep ini

mustahil dilaksanakan di negara kita yang mempunyai rakyat dan penduduk berbilang kaum dari berbagai keturunan dan menganuti ugama yang berlainan.



10. Jelaskan kepada rakyat Melayu mengenai kemajuan pembangunan yang telah dicapai dan lain-lain projek dan rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

11. Tegaskan dan tekan^{kan} kepada mereka bahawa mereka jangan sekali-kali mengambil sikap yang angkuh atau tidak mengambil berat bagi memastikan kejayaan.

Sekalipun calon Barisan Nasional pasti akan berjaya, usaha kita hendaklah

berjalan dengan pesat dan giat sehingga ke saat-saat yang akhir bagi menjamin KEJAYAAN CEMERLANG calon Barisan Nasional.

12. Inilah sepatutnya menjadi matlamat kempen kita supaya segala usaha yang telah kita jalankan itu mendatangkan hasil yang amat berkesan. Ingatkan mereka bahawa kejayaan ^{Barisan Nasional} cemerlang bererti nama UMNO akan harum dan imej UMNO meningkat.



perjalan dengan pesat dan giat sehingga
ke saat-saat yang akhir bagi menjamin
KEJAYAN CEMERLANG dalam Barisan
Nasional.

12. Inilah sepatutnya menjadi matlamat kepada
kita supaya segala usaha yang telah kita
jalankan itu mendatangkan hasil yang
amat berkesan. Ingatkan mereka bahawa

Barisan Nasional

kejayaan cemerlang seperti ini
harum dan jaya untuk UMNO dan



No Siri	382
No Penerimaan	46/79